



DATO SERI DR MAHATHIR

COPENHAGEN, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Asean mempunyai masa depan yang cemerlang sekali.

"Jalan ke arah kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota pertubuhan itu telah wujud dan terbuka luas," kata beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di sini hari ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, banyak halangan untuk kerjasama seperti itu telah dapat dihapuskan sejak Asean ditubuhkan 10 tahun lalu.

Dr M. yakin Asean punya masa depan cemerlang

Timbalan Perdana Menteri yang menguraikan sejarah penubuhan Asean, juga menyebutkan latar belakang yang berlainan antara negara-negara Asean.

Akibat dari berlainan latar belakang, kebudayaan, agama dan bangsa, jangka masa yang panjang diperlukan bagi memahami antara satu sama lain dan mengaharai masalah-masalah antara negara.

Projek

Negara-negara anggota Asean, kata beliau, dengan latar belakang sedemikian, tidak dapat tergesa-gesa untuk mencapai kerjasama dalam ekonomi.

"Dalam tempoh 10 tahun ini, kita telah berjaya menghindarkan banyak halangan dan kini jalan ke arah kerjasama ekonomi luas terbuka," tambah beliau.

Katanya, pendapat bahawa setengah pengusaha mengadakan projek perindustriannya di sesebuah negara Asean yang dilengkapi dengan kehendak-kehendak perindustrian kemudian menjualkan keu- arannya ke negara-negara Asean yang lain yang tidak mempunyai kemudahan seperti itu adalah tidak diterima.

"Tiada negara Asean pun sanggup menerima pendapat demikian dan tidak mahu dirinya dija-

dikan sebagai pasaran untuk Barat.

"Oleh itu, apa projek pun yang dijalankan oleh negara-negara Asean adalah diselaraskan supaya sama-sama dapat menikmati faedahnya," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata inilah sebabnya lima projek perindustrian yang dirancang dengan begitu rapi itu adalah untuk kelima-lima negara anggota.

Dato Seri Dr. Mahathir juga mengunjungi Menteri Kehakiman Denmark, Encik Erling Jensen yang juga bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian negeri itu di pejabatnya hari ini.